Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

Mimbar Nakhoda منبر نخودا

BIL: 10/29 SYAABAN 1435H/27 JUN 2014 PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

Keagungan Bulan Ramadhan

Dari Abu Hurairah Radhiyallahu ‘Anhu berkata, Hadhrat Baginda Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wassalam menyampaikan khabar gembira kepada Para Shahabatnya dan bersabda:

قَدْ جَاءَكُمْ شَهْرُ رَمَضَانَ شَهْرٌ مُبَارَكَ قَدِ افْتَرَضَ اللّٰهُ عَلَيْكُمْ صِيَامُهُ تُفْتَحُ فِيْهِ اَبْوَبُ الْجَنَّةِ وَتُغْلَقُ فِيْهِ اَبْوَبُ الْجَحِيْمِ وَتُغَلُّ فِيْهِ مَرَدَةُ الشَّيَاطِيْنِ وَفِيْهِ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ اَلْفِ شَهْرٍ.(تنبيه الغافلين)

“Telah tiba kepadamu bulan Ramadhan, bulan yang berkat, Allah Subhanahu Wa Ta`ala mewajibkan kepada kamu berpuasa, dalam bulan ini terbuka pintu-pintu Syurga dan tertutup pintu-pintu Neraka Jahim, dan dibelenggu Syaitan-syaitan yang jahat, juga di bulan itu ada Lailatul-Qadar yang nilainya lebih baik dari seribu bulan.” [Tanbihul-Ghafilin]

PENGAJARAN HADITS

Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam telah memperingatkan Ummatnya dengan berita gembira akan ketibaan bulan Ramadhan yang diberkati. Baginda pernah bersabda, “Rejab adalah bulannya Ummatku dan kelebihannya dari lain-lain bulan bagaikan kelebihan Ummatku terhadap ummat yang lain, dan Sya’aban adalah bulanku dan kelebihannya terhadap bulan yang lain bagaikan kelebihanku atas Nabi-nabi yang lain, dan Ramadhan adalah bulan Allah dan kelebihannya terhadap bulan-bulan yang lain bagaikan kelebihan Allah Subhanahu Wa Ta`ala terhadap makhlukNya.”

Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda,

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ وَقَامَهُ اِيْمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَلَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

“Siapa yang puasa pada siang harinya dan bangun malam harinya kerana Iman dan mengharap pahala jaminan Allah, maka diampunkan baginya dosa-dosa yang lalu,” dan Baginda bersabda, “Allah Subhanahu Wa Ta`ala berfirman: “Semua amalan Anak Adam dilipat-gandakan dari sepuluh sampai tujuh ratus kali lipatganda kecuali puasa, maka puasa itu khas untukKu dan Aku akan membalasnya, dia meninggalkan syahwat, makan dan minum keranaKu, dan puasa itu sebagai perisai, dan untuk orang yang berpuasa dua kegembiraan, kegembiraan ketika menghadapi saat berbuka puasa dan kegembiraan nanti kelak bila bertemu kepada Tuhan pada Hari Qiyamat.”


Para ‘Ulama telah berkata bahawa, dari Ramadhan hingga ke Ramadhan yang akan datang, dan Haji ke Haji, dan Jumaat ke Jumaat, dan sembahyang ke sembahyang yang lainnya menjadi penebus dosa-dosa yang terjadi di antaranya selama ditinggalkan dosa-dosa yang besar. Syaitan-syaitan yang jahat akan dibelenggu pada bulan Ramadhan, pintu-pintu amalan kebaikan dan kebajikan terbuka luas bagi orang-orang yang ingin melakukan kebaikan dan kebajikan manakala pintu-pintu kejahatan akan tertutup. Terdapat suatu malam yang digelar Lailatul-Qadar di dalam bulan Ramadhan yang ganjaran beribadat pada malam tersebut adalah lebih baik dari seribu bulan.

شَهْرُ رَمَضَانَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ فِيهِ ٱلْقُرْءَانُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَٰتٍ مِّنَ ٱلْهُدَىٰ وَٱلْفُرْقَانِ ۚ فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ ٱلشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا۟ ٱلْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا۟ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَىٰكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Bulan Ramadhan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah, oleh itu sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan atau mengetahuinya maka hendaklah dia berpuasa bulan itu dan sesiapa yang sakit atau dalam Musafir maka bolehlah dia berbuka, kemudian wajiblah dia berpuasa sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain, dengan ketetapan yang demikian itu Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran, dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa sebulan Ramadhan, dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur. [2:185]

Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda mengucapkan:

SELAMAT MENYAMBUT



BULAN RAMADHAN MUBARAK

1435 HIJRAH / 2014 MASIHI

KEPADA SELURUH UMMAT MUSLIMIN DAN MUSLIMAT

سلامت منونايكن عبادة

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kampung Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan ganjaran pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

MENGATAKAN ALLAH MEMPUNYAI JIHAT ARAH ADALAH KEKUFURAN PADA 'AQIDAH

Al-Imam Al-'Allamah Mulla 'Ali Qari Rahmatullah 'Alaih menukilkan dalam Kitab Mirqat Al-Mafatih Syarah Misykat Al-Mashabih pada Hadits No. 1223 Kitab Ash-Shalah, ketika menerangkan Para 'Ulama dari kalangan Salafus-Shalih yang bertakwil, beliau menyebut, "Bahkan sekumpulan daripada mereka 'Ulama Salafus-Shalih dan 'Ulama Khalaf yang datang sesudah mereka berkata, "Sesungguhnya seseorang yang beri'tiqad tentang Jihat arah bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala adalah Kafir," sepertimana yang telah disebut dengan jelas oleh Al-Hafizh Al-Iraqi, dan beliau berkata: "Sesungguhnya pengkafiran ini adalah pegangan Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Asy-Syafi'i, Imam Abul-Hassan Asy'ari dan Imam Baqillani."

Golongan Wahhabi mengatakan bahawa Allah Subhanahu Wa Ta'ala ada Jihat arah iaitu Jihat Al-'Uluw iaitu arah atas, namun begitu Al-Imam Al-'Allamah Mulla 'Ali Qari Rahmatullah 'Alaih telah menukilkan bahawa sebahagian 'Ulama Salaf dan Khalaf mengkafirkan golongan yang mengatakan Allah Subhanahu Wa Ta'ala mempunyai Jihat atau arah, kerana di antara 'aqidah sesat golongan Wahhabi ialah mereka mengatakan bahawa, "Kalau Allah tidak ada Jihat arah atau pihak, maka Allah tidak Wujud."

Menurut Al-Imam Al-Ghazali Rahmatullah 'Alaih telah menukilkan dalam Kitab Al-Iqtishad Fil-I'tiqad, bahawa adalah mustahil bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala itu berada pada sesuatu arah kerana Jihat arah adalah sifat makhluk yang berkeadaan Jauhar dan 'Aradh. Beliau mengatakan bahawa, "Kewujudan Allah itu tidak pada satu arah dari arah-arah yang enam iaitu atas, bawah, kanan, kiri, depan dan belakang. Sesungguhnya arah-arah itu adalah mustahil bagi sesuatu yang bukan Jauhar atau 'Aradh dan dengan keyakinan 'aqidah bahawa Allah itu bukanlah Jauhar atau 'Aradh, maka mustahil bagi Allah itu berada pada sesuatu arah."

TOKOH ISLAM

IMAM NAWAWI

Nama beliau ialah Muhyiddin Abu Zakaria Yahya Ibni Syirfu An-Nawawi, dilahirkan di Nawa dalam wilayah Damsyiq, Syam pada bulan Muharram tahun 631H. Ilmunya diperolehi dari hasil usahanya yang bersungguh-sungguh.

Beliau mula menghafaz Al-Quran sejak kecil. Pada tahun 649 H, semasa berusia 19 tahun, beliau telah datang ke Kota Damsyiq untuk belajar di sebuah tempat pengajian yang bernama Al-Madrasah Ar-Ruwahiyyah dan mendapat pembiayaan pembelajaran daripada perguruan tersebut. Beliau menumpukan usaha mencapai ilmu pengetahuan dalam segala bidang dan jurusan. Beliau telah memulakan pengajiannya dengan menghafaz Kitab Fiqh yang berjudul At-Tanbih dalam tempoh empat setengah bulan, di samping itu dihafaznya juga Kitab Al-Muhazzab bahagian 'Ibadat.

Semasa dalam pelajaran, beliau tidak pernah membaringkan dirinya di tempat tidur kerana terlalu sibuk dengan pelajaran. Setiap hari beliau mempelajari sebanyak duabelas mata pelajaran dalam berbagai jurusan 'Ilmu Agama. Di antara gurunya ialah Syaikh 'Abdul 'Aziz Ibni Muhammad Al-Anshari, Syaikh Zainuddin Ibni 'Abdul Daim, Syaikh Zainuddin Khalq Ibni Yusuf, Syaikh Taqiuddin Ibni Abil-Yassir, Syaikh Jamaluddin As-Sairafi, Syaikh Syamsuddin Ibni Abi 'Umar, Ibnu Ishaq, Ibrahim Ibni 'Isa Al-Maradi, 'Ali Al-Qadhi Al-Tufalisi, Kamal Ishaq Al-Muri, Syamsuddin 'Abdur-Rahman Ibni Nuh dan 'Izzudin 'Umar Ibni Sa'ad Al-Arbili Rahmatullah 'Alaihim Ajma'in.

Kehidupannya sehari-hari hanyalah sekadar memelihara kesihatan badannya, makan minumnya sehari semalam hanyalah sekali. Masa selama 24 jam digunakan sebahagian besarnya kepada bakti dan khidmat suci terhadap penyebaran dan perkembangan ilmu pengetahuan Agama Islam. Beliau tidak sangat menghiraukan soal makanan, minuman dan pakaian serta perhiasan, apa saja yang ada memadailah padanya, juga tidak gemar memakai pakaian yang menampakkan kemegahan, baginya cukuplah dengan pakaian yang kasar-kasar sahaja.

Keperibadiannya penuh dengan ketaqwaan dan Wara' menurut ertikata yang sepenuhnya dan berjiwa bersih. Beliau selama hidupnya tidak pernah lupa dari kewajiban menyebarkan ilmu dengan mengajar dan mengarang di samping beribadat, berpuasa, berzikir di tengah-tengah suasana hidup yang serba kekurangan, hingga penuhlah kehidupannya dengan usaha dan amalan Shalih terhadap Agama Islam, masyarakat dan Ummat Muslimin. Kitab karangannya begitu banyak, antara yang terkenal ialah Syarah Shahih Muslim, Riyadhus-Shalihin, Al-Adzkar, At-Tibyan Fi Adab Hamalat Al-Quran, Al-irsyad Wat-Taqrib Fi 'Ulum Al-Hadits. Al-Aidah Fi Manasik Al-Hajj, Syarah Muhazzab, Ar-Raudah, Tahzib Al-Asma Wal-Lughat, Al-Minhaj dan Matan Arba'in. Beliau wafat pada 24 Rejab 676H dan dimakamkan di Damsyiq setelah sekian lama hidup membujang tanpa isteri dan tanpa anak.

أحكام ڤواسا رمضان: ڤواسا سبولن ڤد بولن رمضان أداله فرض عين دان دحكومكن واجب باڬي تيڤ-تيڤ اورڠ إسلام للاكي دان ڤرمڤوان يڠ مكلف مڠرجاكنڽ أڤابيلا تله ممنوهي شرط-شرط واجبڽ. **نيت ڤواسا سبولن:** نَوَيْتُ صَوْمَ شَهْرِ رَمَضَانَ كُلِّهِ فَرْضَ هَذِهِ السَّنَةِ لِلّٰهِ تَعَالَى – سهاج أكو برڤواسا سبولن رمضان يڠ دواجبكن كأتسكو ڤد تاهون إين كرانا الله تعالى. **نيت ڤواسا سهاري:** نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ أَنْ أَدَاءِ فَرْضِ شَهْرِ الرَمَضَانَ هَذِهِ السَّنَةِ لِلّٰهِ تَعَالَى – سهاج أكو برڤواسا إيسوق هاري باڬي منونايكن فرض بولن رمضان باڬي تاهون إين كرانا الله تعالى. **حكوم ڤواسا:** حكوم ڤواسا تربهاڬي تيڬا جنيس ياءيت:- 1) **فرض عين،** اياله ڤد بولن رمضان، ڤواسا نذر دان ڤواسا كفارة. 2) **سنة،** سڤرتي ڤواسا هاري إثنين دان خميس، ڤواسا أنم هاري دالم بولن شوال، ڤواسا هاري عرفه، هاري عاشوراء دان لاءين-لاءين. 3) **حرام،** سڤرتي ڤواسا ڤد هاري راي عيد الفطري دان هاري راي عيد الأضحى. **شرط ٢ واجب ڤواسا رمضان:** 1) **إسلام،** اورڠ كافير تيدق واجب برڤواسا. 2) **بالغ تله چوكوڤ عمور،** كانق-كانق بلوم چوكوڤ عمور تيدق واجب برڤواسا. 3) **برعقل،** اورڠ ڬيلا تيدق واجب برڤواسا. 4) **صيحت دان سڠڬوڤ برڤواسا،** اورڠ يڠ ساكيت دان تياد أوڤاي تيدق واجب برڤواسا. 5) **برموقيم،** اورڠ يڠ برمسافير تيدق واجب برڤواسا. **شرط ٢ صح ڤواسا رمضان:** 1) إسلام. 2) برعقل. 3) سوچي دري حيض دان نفاس. 4) ماسوق وقت برڤواسا رمضان. **روكن ڤواسا رمضان:** 1) برنيت ڤد مالمڽ. 2) مناهن ديري درڤد ماكن دان مينوم ڤد سياڠ هاري. 3) مناهن ديري دري مماسوقكن سسواتو كدالم روڠڬا كچوالي سونتيكن، چوڠكيل ڤد تاڠن، كاكي، فها أتو بدن يڠ تياد منروس كدالم روڠڬا.

FADHILAT AL-QURAN

Allah Subhanahu Wa Ta'ala telah berfirman dalam Surah Al-Baqarah 1-2:

الٓمٓ ۝١ ذَٰلِكَ ٱلۡكِتَٰبُ لَا رَيۡبَۛ فِيهِۛ هُدٗى لِّلۡمُتَّقِينَ ۝٢

"Alif Lam Mim. Inilah Kitab Al-Quran yang tiada keraguan di dalamnya, sebagai petunjuk bagi orang-orang bertaqwa." Hadhrat Abul-Laits Rahmatullah 'Alaih meriwayatkan dari sanadnya daripada 'Abdullah Ibni Mas'ud Radhiyallahu 'Anhu berkata,

أَلْقُرْآنُ شَافِعٌ مُشَفَّعٌ وَمَا حِلٌ مُصَدَّقٌ فَمَنْ جَعَلَهُ اِمَامَهُ قَادَهُ اِلَى الْجَنَّةِ وَمَنْ جَعَلَهُ خَلْفَهُ سَاقَهُ اِلَى النَّار

"Al-Quran itu dapat memberi Syafa'at pembelaan dan akan diterima Syafa'atnya, juga menjadi penuntut yang sangat dipercayai, maka sesiapa yang menjadikan Al-Quran sebagai pimpinannya pasti dituntun ke Syurga dan sesiapa yang meletakkan Al-Quran di belakangnya maka pasti diheret ke dalam Neraka."

Qatadah dari Anas bin Malik dari Abu Musa Al-Asy`ari Radhiyallahu 'Anhum berkata, Nabi Shallallahu 'Alaihi Wassalam bersabda, "Perumpamaan orang Mukmin yang membaca Al-Quran bagaikan limau manis yang baunya sedap dan rasanya enak, dan perumpamaan orang Mukmin yang tidak membaca Al-Quran bagaikan kurma tamar yang berasa enak tetapi tiada bau, dan perumpamaan orang Fajir pendosa yang membaca Al-Quran bagaikan bunga yang berbau sedap tetapi rasanya pahit, dan perumpamaan Fajir yang tidak membaca Al-Quran bagaikan Handhalah yang rasanya pahit dan tidak ada baunya."